



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

AHAD  
10 Mei 2026



## Pekerja jangan harap ganjaran?

**MINDA AHAD**

Oleh  
**Zin Mahmud**



**H**ARI Jumaat, 1 Mei lalu, seperti setiap tahun sejak 1973, Malaysia menyambut Hari Pekerja. Maka seringkali juga sejak beberapa tahun lalu khutbah-khutbah di negara ini mula membicarakan tema-tema isu semasa, Hari Pekerja juga diraikan dengan nasihat-nasihat berkaitan pekerjaan.

Namun hampir setiap tahun, saya kesan umumnya nasihat-nasihat yang walaupun berniat baik dan menepati ajaran Islam tetapi tidak mencerminkan mesej asal Hari Pekerja.

Asal-usul Hari Pekerja ialah dari tarikh 1 Mei 1886 di Haymarket, Amerika Syarikat dalam kerangka tuntutan bagi pelaksanaan bekerja hanya lapan jam bagi sehari.

Kini, hampir seluruh dunia sudah melaksanakan hak bekerja lapan jam sehari. Tetapi Hari Pekerja juga kini melambangkan perjuangan menuntut hak pekerja yang masih belum tercapai dan sedang diusahakan dengan mengambil kira suasana perubahan teknologi yang begitu pesat.

Setiap negara menggunakan pendekatan berbeza terhadap isu-isu buruh dan pekerja. Maka begitu juga cara mereka menyambut Hari Pekerja. Tetapi perkara jetas Hari



**ORANG ramai membaca ikrar pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 1 Mei lalu. - MINGGUAN/AFIQ RAZALI**

Pekerja adalah berorientasikan dan berfokuskan kepada kehidupan pekerja itu sendiri dan bukannya pada kepentingan majikan, masyarakat, kerajaan atau negara.

Contohnya jika pada Hari Pekerja, seruan pada pekerja supaya rajin, jujur dan meningkatkan kemahiran serta daya pengeluaran sebenarnya berorientasikan pada majikan dan bukannya pada pekerja.

Begitu juga apabila dinyatakan pekerja adalah penting kepada negara. Ia pula berorientasi pada negara dan bukannya pekerja.

Semasa Hari Pekerja tempoh hari dan juga tahun-tahun sebelumnya ada khatib mengingatkan para jemaah supaya bekerja dan tidak bergantung pada orang lain untuk hidup.

Ini kerana memperoleh

rezeki halal adalah lebih mulia daripada meminta-minta. Jemaah juga dingatkan bahawa bekerja itu adalah ibadah jika dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT.

Untuk ini, para pekerja bukan berada pada kedudukan rendah daripada majikan. Kedua-dua pihak, majikan dan pekerja adalah saling gantung-bergantung. Cumanya majikan ada kuasa untuk menguruskan pekerjaannya. Dalam hal ini pekerja wajar memperoleh layanan baik daripada majikan

Tetapi adalah sesuatu yang tidak kena jika dinyatakan pekerja janganlah mengharapkan ganjaran semata-mata dan sebaliknya wajar bersyukur dan reda rezeki yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Realitinya dan praktikalnya bekerja adalah suatu transaksi muamalah. Ia seperti berjual beli. Pekerja menjual tenaga, akal fikirannya dan masa hidupnya pada majikan.

Malah majikan pula wajar membayar ganjaran setimpal daripada pekerjaan menurut ukuran masyarakat. Jika tidak, pekerja wajar menuntutnya dan bukan membuatkan majikan mengelak daripada mengikut peraturan. Apa yang perlu diingatkan Hari Pekerja itu adalah untuk pekerja dan bukannya hari untuk majikan

Majikan berfungsi bukan secara peribadi tetapi perniagaan atau perkhidmatannya beroperasi dalam masyarakat dan negara yang ada undang-undang serta bertanggungjawab untuk memberi kehidupan selesa kepada rakyatnya. Maka keuntungan yang diperoleh majikan datangnya daripada masyarakat.

Para pekerja pula adalah manusia yang inginkan kehidupan bahagia dan sejahtera. Bukan saja pendapatan yang diperoleh itu boleh menyara hidupnya dari segi makanan, kediaman dan perlindungan kesihatan. Tetapi para pekerja sebagai manusia tentulah mahu hidup berkeluarga, mampu akses pada perumahan yang selamat dan memiliki anak-anak yang dapat diberikan pendidikan dan selanjutnya mempunyai harapan untuk memiliki kerjaya.

Sememangnya bagi majikan yang tumpuannya adalah untuk mengaut keuntungan

bagi dirinya dengan kehidupan para pekerja berada di luar tanggungjawabnya. Tetapi perniagaan atau syarikat bukan beroperasi dalam vakum. Ia bergerak dalam masyarakat. Ia memperoleh keuntungan dari masyarakat. Maka ia juga bertanggungjawab pada masyarakat termasuk para pekerja sebagai manusia.

Sistem pasaran terbuka hanya dapat bergerak dengan adil jika ia dilengkapi dengan institusi-institusi yang berkesan bagi mengimbangi kekuasaan korporat, syarikat dan majikan.

Institusi-institusi ini ada di pihak kerajaan dan juga bukan kerajaan. Institusi pertama di pihak bukan kerajaan adalah Kesatuan Sekerja. Masalahnya adalah tidak semua pekerja menjadi anggota kesatuan pekerja. Institusi kedua adalah Persatuan Pengguna yang menangani isu-isu pengguna khusus para pekerja. Institusi ketiga adalah media massa arus perdana. Tanpa media profesional, tiada saluran untuk menyuarakan isu-isu pekerja.

Di pihak kerajaan pula tentunya Kementerian Sumber Manusia. Asalnya yang ada ialah Kementerian Buruh dan Rakyat. Jadi, orientasinya dapat dilihat terhadap pembelaan para buruh dan bekalan tenaga rakyat untuk pembangunan. Tenaga rakyat itu adalah terjemahan kepada *manpower* yang juga boleh ditafsirkan sebagai 'kuasa manusia'.

Tetapi apabila jadi Kementerian Sumber Manusia maka para pekerja sudah menjadi satu sumber atau modal bagi ahli perniagaan, iaitu setaraf dengan sumber lain seperti kewangan, tanah dan lain-lain.

Namun lebih penting dalam hal ini, jika berlaku pertembungan antara pekerja dengan majikan, pihak mana yang kerajaan sebelah? Para majikan mempunyai pengaruh besar. Selain Persekutuan Majikan yang menjaga kepentingan majikan, mereka mempunyai dana besar dan lobi berkesan terhadap ahli politik dan kerajaan.

Sedangkan pekerja hanya mengharapkan kekuatan mereka sebagai pengundi bagi mempengaruhi polisi. Tetapi parti-parti politik mestilah memihak pada para pekerja. Jika tidak, suara pekerja akan diketepikan begitu saja lebih-lebih lagi kalau ahli-ahli politik pula yang terlibat dengan perniagaan.

**MALAYSIA KITA**

**MARO**



WITHIN 3 MONTHS

# Ramanan pledges 10,000 bikes for Sg Buloh youth

**SUNGAI BULOH:** Sungai Buloh member of parliament Datuk Seri R. Ramanan has pledged to provide 10,000 bicycles to students and youths in the constituency to improve mobility within their neighbourhoods.

The human resources minister said the bicycles, to be distributed within the next three months, were aimed at helping young people move around more easily and explore areas beyond their immediate surroundings.

"When we look at Sungai Buloh, many young people tend to remain within the areas they are familiar with," he said here yesterday.

"If they are from Kampung Kubu Gajah, they stay around Kampung Kubu Gajah. If they are from Subang Bestari, they remain within that area.

"So I will contribute 10,000 bicycles free of charge to youths in Sungai Buloh to help them move around more easily and gain wider exposure beyond their immediate surroundings."

He said the idea was inspired by a speech from Human Resource Development Corporation (HRD Corp) chief executive officer Datuk Shamir Aziz, who shared his childhood struggles, including not owning a bicycle.

Ramanan was speaking after launching the Program Sumban-



Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan speaking to reporters during the 'Program Sumbangan Pelajar Cemerlang SPM 2025' in Kota Damansara yesterday. NSTP PIC BY NABILA ADLINA AZAHARI

gan Pelajar Cemerlang SPM 2025 at Seksyen 7, Kota Damansara, yesterday.

At the event, HRD Corp recognised 934 top Sijil Pelajaran Malaysia students for last year from 12 schools in the constituency, with total contributions of RM318,900.

He said the education aid programme had been expanded this year to include students who scored between 4As and 6As.

"Previously, we only gave incentives to students who scored 7As and above. This year, we decided students with 4As, 5As and 6As should also be recognised for their achievements," he said.

About 2,000 people attended the event, including students, parents and teachers.

Present were Human Resources Ministry deputy secretary-general (Policy and International) Dr Mohd Shaharin Umar, HRD Corp chairman Datuk Rusli Jaafar and Shamir.

Ramanan said academic excellence alone was no longer sufficient in preparing youths for the future, stressing the importance of skills development and employability.

"Our focus is to ensure students can continue developing their potential through quality educa-

tion, technical and vocational training, as well as better career opportunities," he said.

He highlighted several ministry initiatives, including technical and vocational education and training programmes through Advanced Technology Centres under the Manpower Department, which recorded a graduate employability rate of 95.5 per cent.

He also highlighted MYFutureJobs by the Social Security Organisation and TalentCorp's Jelajah AI MyMahir as programmes to prepare youths for future jobs.

Ramanan said that since 2024, more than RM1.2 million in education-related assistance had been channelled to over 4,000 residents in Sungai Buloh through various programmes, including back-to-school aid, higher education assistance and tuition initiatives.

Since 2023, he added, RM1.69 million had also been allocated for upgrading works involving schools and educational institutions in the constituency.

"As long as I am entrusted with this responsibility, I will continue to champion education and the welfare of the people, especially children in Sungai Buloh," he said.